

20/12/1999

Lebuh raya: Terengganu masih membisu

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Ahad - Kerajaan Pas Terengganu masih membisu mengenai pembiayaan projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT) terutama membabitkan dari Terengganu ke Karak di Pahang.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd Khaled Nordin, berkata kerajaan Terengganu mahu projek itu diteruskan tetapi tidak menyatakan pihak mana yang perlu membayar kos pembinaannya.

"Setakat ini kerajaan Pusat belum menerima sebarang maklumat rasmi pihak mana yang perlu membiayai projek berkenaan berikutan langkah kerajaan Terengganu menghapuskan tol di negeri itu.

"Bagaimanapun, jika mereka bersetuju supaya tol dikutip di laluan berkenaan, projek itu akan diteruskan. Setakat ini kementerian belum menerima sebarang maklumat balas mengenainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan hari raya berupa beras, gula dan tepung daripada Pergerakan Wanita Umno Johor Bahru kepada 86 keluarga miskin di sini, hari ini.

Projek lebuh raya sejauh 388 kilometer itu membabitkan kos RM2.8 bilion dan ia menghubungkan Kuala Lumpur menerusi Karak ke Jabor di Terengganu dan dari Jabor ke Chendering di Kuala Terengganu.

Bekas Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad merasmikan pecah tanah projek itu bulan lalu.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik berkata: "Projek itu terutama yang membabitkan dari Terengganu ke Karak di Pahang akan dilaksanakan jika kerajaan Pas Terengganu bersetuju membenarkan tol dikutip di laluan berkenaan".

Katanya, jika kerajaan Terengganu tidak mahu kutipan tol dilaksanakan, ia boleh membiayai keseluruhan projek yang membabitkan bahagian berkenaan atau membiayai pembayaran tol untuk rakyatnya yang menggunakan lebuh raya itu.

"Kalau dia (kerajaan Terengganu) tidak mahukan tol, maka projek itu terpaksa dimansuhkan (bahagian Terengganu ke Pahang)," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Khaled yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru, berkata pembinaan lebuh raya itu adalah pemangkin pembangunan di Terengganu dan sekali gus mengelakkan berlakunya penghijrahan rakyat negeri itu ke negeri lain untuk mencari pekerjaan.

"Sebagai bukti, ramai rakyat Kelantan dan Terengganu bekerja di Johor. Kita menghargai sumbangan mereka tetapi dalam pada itu mereka cuba menyebarkan cara hidup dan budaya politik kepada penduduk Johor," katanya.

(END)